



PERGAS

جمعية العلماء ومدرسي الدين الإسلامي بسنغافورة

**PERSATUAN ULAMA DAN GURU-GURU AGAMA ISLAM (SINGAPURA)
SINGAPORE ISLAMIC SCHOLARS & RELIGIOUS TEACHERS ASSOCIATION**

20 Jun 2014

PANDUAN AGAMA BERKENAAN PENYERTAAN DI DALAM ACARA YANG MENGGALAKKAN KEMUNGKARAN

Keutuhan keluarga merupakan antara asas utama dalam pembinaan sesebuah masyarakat yang berjaya. Bahkan pembinaan institusi keluarga merealisasikan salah satu dari tujuan prinsip maqasid atau objektif syariah dalam memelihara kewujudan manusia.

2 Menurut Imam Al-Shatibi, salah satu dari jalan bagi mencapai pemeliharaan nyawa manusia adalah melalui penambahan zuriat manusia. Sekiranya terdapat sesuatu perkara yang menghalang maqasid tersebut, maka ia merupakan *mafsadah* ataupun keburukan.

3 Oleh yang demikian, Islam memberi penekanan penting terhadap pembinaan institusi keluarga melalui pernikahan yang sah antara seorang lelaki dan wanita. Manakala hubungan seksual di luar pernikahan atau sesama jenis adalah dilarang dalam Islam.

Pandangan Agama Dalam Menghadiri Acara Yang Menggalak Kemungkaran

4 Dalam menghadiri acara yang mempunyai unsur yang menggalakkan atau menghalalkan perkara yang mungkar, terdapat larangan agama yang jelas menghalang umat Islam dari menghadiri acara tersebut. Di dalam surah Al-Ma'idah ayat 2, Allah s.w.t. secara jelas melarang umat Islam dari membantu dalam perkara maksiat:

وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Ertinya: “Dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.”

5 Larangan ini juga bertepatan dengan kaedah Fiqh berikut:

مَا حَرَّمَ أَخْذُهُ حَرَّمَ إِعْطَاؤُهُ

Ertinya: “Apa yang diharamkan pengambilannya adalah diharamkan pemberiannya”.

Dalam menerangkan kaedah ini, Sheikh Ahmad Bin Muhammad Al-Zarqa di dalam kitabnya *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah* menjelaskan bahawa sebagaimana seseorang itu tidak boleh melakukan sesuatu yang haram, maka dia juga tidak dibenarkan membantu dan menyokong sesuatu yang haram.

6 Atas dasar itu, masyarakat Islam tidak wajar menghadiri sebarang acara yang mengajak atau menyokong kepada segala perkara yang mungkar, ini termasuklah seperti hadir pada acara yang menyokong gerakan ‘Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender’ atau LGBT. Ini kerana kehadiran umat Islam pada acara ini secara tidak langsung juga menunjukkan tanda restu, persetujuan dan sokongan terhadap mesej yang ingin disampaikan seperti menghalalkan atau menormalisasikan hubungan seksual sesama jenis.

7 Menerima mereka seadanya sehinggakan kita merestui dengan pelakuannya, dan bersimpati dengan mereka, dan tidak melakukan sesuatu untuk membawa mereka kembali kepada ajaran agama yang sebenarnya juga merupakan satu tindakan yang tidak tepat dan bertentangan dengan ajaran agama.

8 Sokongan umat Islam terhadap gerakan ini juga samalah seperti menyokong amalan maksiat lain, sebagai contoh menyatakan bahawa hubungan luar nikah adalah halal dan pelakunya perlu disokong oleh masyarakat Islam.

9 Dengan itu, Pergas ingin turut menggesa agar masyarakat Islam yang masih kurang jelas dengan panduan agama bersangkutan isu ini, agar dapat merujuk kemusykilan tersebut kepada guru-guru agama yang bertauliah.

Mendampingi Individu LGBT

10 Pada masa yang sama, Pergas menggesa agar masyarakat tidak menyisihkan atau meminggirkan individu LGBT.

11 Sebaliknya, langkah yang wajar dipilih jika kita benar kasih dan cinta kepada saudara kita yang terjebak dengan anasir LGBT ini ialah dengan berdamping dan memberi sokongan moral yang berterusan tanpa putus asa di samping berdoa agar mereka akhirnya kembali ke landasan yang benar, ini bersesuaian dengan ajaran Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: *“Agama itu adalah merupakan nasihat”*. [Hadis riwayat Imam Muslim].

12 Bersempena dengan awal Ramadan yang bakal menjelang, Pergas ingin mengambil kesempatan untuk menyeru umat Islam agar menghormati kemuliaan bulan Ramadan. Masyarakat Islam juga digesa supaya menghindari sebarang acara yang menggalakkan kemungkaran dan sebaliknya menyambut ketibaan awal Ramadan dengan melakukan amal kebajikan seperti mendirikan solat terawih berjemaah di masjid atau bersama keluarga di rumah.

PERSATUAN ULAMA DAN GURU-GURU AGAMA ISLAM (SINGAPURA)